

06 SEP 1997

Moggie-Bakun

PEMBINAAN TEROWONG BAGI PROJEK BAKUN DITERUSKAN, KATA MOGGIE

KUALA LUMPUR, 6 Sept (Bernama) -- Penangguhan projek empangan hidro elektrik Bakun tidak menyebabkan kerosakan alam sekitar kerana beberapa kerja pembinaan masih dijalankan, kata Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Leo Moggie hari ini.

"Ini kerana pada masa ini, kerja-kerja pembinaan terowong lencongan masih dijalankan, " kata beliau kepada pemberita selepas merasmikan Hari Kualiti Jabatan Bekalan Elektrik dan Gas di sini.

Sempena Hari Kualiti itu, seminar dan dialog mengenai bagaimana untuk meningkatkan kualiti penjaga jentera elektrik juga diadakan antara Jabatan berkenaan dan Persatuan Penjaga Jentera Elektrik Malaysia (PEJEMA).

Moggie berkata keputusan Ekran Berhad untuk menamatkan kontrak dengan Asea Brown Boveri-Companhia Brasileira de Projectos Obras Consortium (ABB-CBPO) tidak menjejaskan kerja pembinaan di terowong kerana ia kontrak berasingan.

Beliau berkata penamatan kontrak cuma melibatkan kontrak kejuruteraan, pemerolehan dan pembinaan antara Bakun Hydro-Electric Corporation Berhad (BHC) dan ABB-CBPO).

"Kerja-kerja fizikal di EPC belum bermula di tapak tanah itu," kata Moggie said.

Ia akan bermula sebaik sahaja terowong lencongan itu siap.

Apabila siap, ia akan diserahkan kepada kontraktor utama EPC, kta beliau.

Semalam, Moggie berkata kerajaan tidak tahu sama ada BHC telah mendapat kontraktor bagi menggantikan ABB-CBPO tetapi BHC mempunyai hak mutlak untuk menentukan kontraktor bagi kerja itu.

Khamis lalu, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata projek Bakun ialah antara beberapa projek besar yang akan ditangguhkan bagi mengurangkan tekanan ke atas ringgit dan defisit akaun semasa negara.

Pada hari yang sana, Ekran mengumumkan bahawa kontraknya dengan ABB-CBPO telah ditamatkan selepas kedua-dua pihak gagal mencapai persetujuan mengenai mengenai beberapa perkara di bawah kontrak BHC.

Moggie juga berkata bahawa Kementerian berkenaan akan mengawasi skop penagguhan bagi membuat perancangan untuk kapasiti bekalan tenaga negara.

Ia tidak akan meminta mesyuarat diadakan dengan para pegawai Ekran termasuk pengerusi eksekutif Tan Sri Ting Pek Khiing, bagi membincangkan perkembangan terbaru.

Tetapi Kementerian menyerahkan kepada Ekran untuk membuat keputusan berhubung dengan tindakan selanjutnya, kata beliau.

Terdahulu, ketika berucap, Moggie menggariskan lima cabaran utama kepada industri bekalan tenaga yang peru ditangani.

Ini termasuk membekalkan bekalan tenaga berkualiti pada harga berpatutan, melindungi alam sekitar daripada pembangunan tenaga dan penggunaan serta menentukan pemakaian tenaga lebih cekap dan selamat. --

BERNAMA

ES FAZ